

KERATAN AKHBAR

NAMA AKHBAR: UTUSAN MALAYSIA (DALAM NEGERI)

TARIKH: 29 MAC 2018

MUKA SURAT: 26

Kombinasi generasi pikat juri *Youth in Community*

KUALA LUMPUR 28 Mac - Berkonsepkan kombinasi golongan muda dan warga tua dalam satu komuniti, CO-MPLEX 19 Social Townhouse Sungai Buloh yang merupakan rekaan dan idea lima pelajar wanita Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) tampil menjuarai pertandingan *Youth in Community (YIC) - Why I See* kategori sarjana muda.

Tempat kedua kategori sama pula dimenangi pelajar dari Universiti Sains Malaysia (USM) dengan konsep PRIMA Dinamik Changlun manakala tempat ketiga diraih Universiti Malaya (UM) menerusi konsep HEXA Damansara, kesemua mereka membawa pulang wang tunai dan sijil penyertaan.

Pertandingan anjuran Perbadanan Perumahan Malaysia (PRIMA) dan Institut Perancang Malaysia (MIP) yang mempertandingkan empat kategori itu bertujuan untuk membuka ruang kepada golongan belia dan pelajar menghasilkan rekaan serta konsep binaan rumah idaman yang sesuai dengan gaya hidup masa hadapan.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Idris Jusoh berkata, kehadiran pereka muda yang terdiri golongan pelajar dapat membantu mengetengahkan konsep gaya hidup baharu sekali gus memberi nafas baharu kepada rumah PRIMA agar dapat menjadi bandar pintar.

"Pertandingan ini memberi ruang kepada pereka bentuk muda untuk mengambil bahagian dan ramai antara mereka pelajar universiti. Golongan ini dapat memberi pandangan-pandangan tentang gaya hidup baharu seperti yang dipelajari semasa di universiti.



IDRIS JUSOH menyampaikan hadiah pelajar UIAM yang memenangi pertandingan *Youth in Community - Why I See* di PWTC, Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Abdul Mutalib Alias (kanan). - UTUSAN/AZLAN HADI ABU BAKAR

"Rumah PRIMA akan datang boleh mengutamakan konsep gaya hidup baharu dan bandar pintar dengan keperluan pengangkutan, tenaga elektrik, pengurusan sisa pepejal, kesejahteraan dan kemudahan jalur lebar yang mungkin terlepas pandang oleh pereka lama," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan *Youth in Community (YIC) - Why I See* sempena Ekspo Jualan Perumahan Edisi Nasional di Dewan Tun Abdul Razak 1, Pusat Daga-

ngan Dunia Putra (PWTC).

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif PRIMA, Datuk Abdul Mutalib Alias.

Sementara itu, Abdul Mutalib memberitahu, pertandingan tersebut merupakan platform untuk golongan belia menonjolkan idea dan aspirasi rekaan sekali gus mencerminkan kehendak dan keperluan mereka dalam komuniti.

Selain itu, ujar beliau, pertandingan tersebut juga membantu pihaknya mengenal pasti bakat pereka muda dan mengetengahkan golongan itu di masa hadapan.

Ekspo yang berlangsung selama sembilan hari bermula 24 Mac itu, menawarkan lebih 100,000 unit rumah dengan menyasarkan pembeli berpendapatan rendah (B40) dan pertengahan (M40).

Penganjurannya merupakan hasil inisiatif Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dengan kerjasama PRIMA, Jabatan Perumahan Negara, Syarikat Perumahan Negara Berhad, Perumahan Pajawar Awam iMalaysia (PPA1M) dan agensi-agensi di bawah kerajaan negeri.